

## Usaha seluruh masyarakat perlu bagi sokong kaum hawa, tekan Presiden Halimah

*Berita Mediacorp*, 3<sup>rd</sup> June 2021

SINGAPURA: Presiden Halimah Yacob berkata dasar dan norma masyarakat perlu disemak sebagai sebahagian daripada usaha menyeluruh masyarakat menyokong golongan wanita.

Gesaan itu dibuat menjelang Kertas Putih yang akan dibentangkan pemerintah lewat tahun ini berhubung bagaimana untuk memajukan kepentingan wanita di Singapura.

Berucap secara maya di persidangan Institut Pengajian Dasar siang tadi (3 Jun), Puan Halimah juga menggesa majikan dan anggota keluarga untuk membantu kaum hawa mengimbangi tuntutan pekerjaan dan rumah.

"Menjadikan nilai hormat menghormati sebagai tunggak hubungan antara wanita dengan lelaki, kita boleh mewujudkan sebuah masyarakat yang mana setiap wanita dan lelaki boleh mencapai aspirasi dan potensi mereka sepenuhnya," ujar Puan Halimah.

"Ini bukan saja isu hak wanita kita tetapi kerana mereka patut dihormati dan dihargai atas sumbangan dan pengorbanan mereka."